

Konsep Ahli Kitab Menurut Ibn Ḥazm dan al-Shahrastānī

Mohd Faizal Abdul Khir¹

Abstrak

Makalah ini adalah merupakan analisis bagi memperlihatkan pandangan pemikir Islam terhadap konsep Ahli Kitab. Dua orang pemikir Islam yang diketengahkan adalah Ibn Ḥazm al-Zāhirī dan al-Shahrastānī. Pemilihan dua orang tokoh ini berdasarkan kredibiliti mereka dalam bidang perbandingan agama. Pemikiran mereka dianalisis berasaskan dua buah karya karangan mereka dalam bidang perbandingan agama yang menyentuh secara langsung tentang konsep Ahli Kitab; *al-Faṣl fī al-Milal wa al-Ahwā' wa al-Niḥal* karangan Ibn Ḥazm al-Zāhirī dan *al-Milal wa al-Niḥal* karangan al-Shahrastānī. Selain itu, beberapa pandangan yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh lain juga diambil kira bagi mengukuhkan kefahaman terhadap konsep ini. Berasaskan pemikiran yang diketengahkan oleh kedua-dua tokoh ini, penulis menggarap ciri-ciri Ahli Kitab yang jelas. Perbahasan yang dikemukakan ini diharapkan dapat memberikan kefahaman yang mapan terhadap pengertian Ahli Kitab.

Kata kunci: Ahli Kitab, Ibn Ḥazm, al-Shahrastānī, *al-Faṣl fī al-Milal wa al-Ahwā' wa al-Niḥal*, *al-Milal wa al-Niḥal*

The Concept of the People of the Book according to Ibn Ḥazm and al-Shahrastānī

Abstract

This article analyses the thought of Ibn Ḥazm and al-Shahrastānī, two of the most credible classical Muslim scholars of studies on religions, on the concept of the People of the Book. This analysis is based on their books, ie. al-Faṣl fī al-Milal wa al-Ahwā' wa al-Niḥal and al-Milal wa al-Niḥal. Moreover, comparisons are also made with the thoughts of some other selected Muslim scholars. This study, in the end, provides a clearer description of the concept of the People of the Book. It is hoped that this article presents a more proper understanding on the subject.

Keywords: *People of the Book, Ibn Ḥazm, al-Shahrastānī, al-Faṣl fī al-Milal wa al-Ahwā' wa al-Niḥal, al-Milal wa al-Niḥal*

¹ Mohd Faizal Abdul Khir, M.A, adalah Pensyarah di Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Islam Darul Ridzuan, Perak.

Pendahuluan

Perbincangan tentang Ahli Kitab telah menimbulkan polemik dalam kalangan para pengkaji. Sebahagian ulama begitu bertegas terhadap pengertian Ahli Kitab² sehingga seolah-olah menta'wilkan ayat 5, Surah al-Mā'idah dan sebahagian yang lain pula begitu terbuka (*tasahul*) terhadap pengertian Ahli Kitab³ sehingga menerima semua agama sebagai Ahli Kitab tanpa batasan. Pengertian Ahli Kitab amat penting kerana ia mempunyai implikasi perundangan dalam hukum fiqah Islam iaitu Islam mengharuskan umat Islam memakan daging sembelihan Ahli Kitab dan mengharuskan perkahwinan dengan wanita Ahli Kitab. Justeru pengertian yang terlampau terbuka menyebabkan konsep ini telah disalahgunakan sehingga menimbulkan kesan-kesan buruk terhadap masyarakat Islam. Manakala kefahaman yang terlampau sempit pula menyebabkan hikmah syariat Islam tidak dapat dihayati dengan sempurna. Penelitian terhadap pandangan yang dikemukakan oleh Ibn Ḥazm⁴ dan al-Shahraṣṭānī⁵ diharapkan

² Antara mazhab yang mempunyai pandangan ketat terhadap konsep Ahli Kitab adalah mazhab al-Shāfi'ī. Lihat perbincangan tentang isu ini dalam kitab *Al-Umm*. Lihat Muḥammad ibn Idrīs al-Shāfi'ī, *Al-Umm* (Kaherah: Dār al-Ghad al-'Arabī, 1990), 4:247 dan Yahya bin Sharf al-Nawāwī, *Rawḍah al-Tālibīn* (t.tp.: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 5:473. Lihat kritikan terhadap pandangan al-Shāfi'īyyah dalam Muhammad Galib, *Ahl al-Kitab: Makna dan Cakupannya* (Jakarta: Penerbit Paramadina, 1998), 67 dan Badrān Abū al-'Aynayn Badrān, *Al-'Alāqāt al-Ijtimā'īyyah bayna al-Muslimīn wa Ghayr al-Muslimīn fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah wa al-Yahūdiyyah wa al-Naṣraniyyah wa al-Qānūn* (Beirut: Dār al-Nahḍah, 1984), 41.

³ Antara dua tokoh yang berpegang dengan pandangan ini adalah Mawlana Muḥammad 'Alī dalam Mawlana Muḥammad 'Alī, *Islamologi*, terj. R. Kaelan, et al. (Jakarta: Darul Kutubil Islamiyyah, 2007), 7:763 dan Muḥammad Rashīd Riḍā dalam Muḥammad Rashīd Riḍā, *Tafsīr al-Qur'ān al-Hakīm* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1999), 6:187-190.

⁴ Beliau adalah 'Alī bin Aḥmad⁴ bin Sa'īd bin Ḥazm bin Ghālīb bin Ṣāliḥ bin Khalaf bin Ma'dan bin Sufyān bin Yazīd. Keturunan Ibn Ḥazm adalah *mawla* kepada al-Amīr Yazīd bin Abī Sufyān bin Ḥarb bin Umayyah bin 'Abd al-Shams al-'Umāwī. Antara karya yang menyebutkan tentang biografi Ibn Ḥazm adalah *Nafḥ al-Tib* karya al-Maqarrī, *Bughyah al-Multamis* karya Aḥmad bin Yahyā al-Dābī (w. 599H.), *Al-Maghrib fī Hulīyy al-Maghrib* karya Ibn Sa'īd al-Andalusī, *Akhbar al-Hukamā'*, *Irshād al-Arīb*, *Lisān al-Mīzan*, *Wafīyyat al-A'yan* karya Ibn Khallikan, *Al-Lubāb*, *al-Tibyān*, *Majallah al-Muqtabis*, *al-I'lam bi Tārīkh al-Islām*, *Siyār A'lām al-Nubalā'*, *Al-Iḥāṭah fī Akhbar Gharnāṭah* oleh Lisān al-Dīn al-Khāṭib, *Ṣifāh Jazīrah al-Andalus* karya Ibn 'Abd al-Mun'im al-Ḥumayrī, *Quḍāh Qurṭubah* karya al-Khashanī, *al-Wāfi bi*

dapat merungkai permasalahan ini dengan menetapkan beberapa ciri yang dapat dijadikan panduan dalam memahami hakikat konsep Ahli Kitab. Sudah pasti konsep yang dikemukakan oleh kedua-dua tokoh ini adalah bersandarkan kepada kefahaman mereka terhadap al-Qur'an dan al-Sunnah.

Definisi Ahli Kitab Menurut Ibn Ḥazm dan al-Shahrastānī

Ibn Ḥazm tidak memberikan definisi yang jelas mahu pun keterangan lanjut terhadap maksud Ahli Kitab.⁶ Pun begitu, dapat dirumuskan bahawa istilah Ahli Kitab secara asasnya digunakan oleh beliau bagi menunjukkan sekumpulan manusia yang mempunyai kitab yang diturunkan kepada nabi tertentu sebagai sumber kepada entiti atau anutan mereka. Rumusan ini berdasarkan kepada beberapa fakta:

a. Mazhab *Zāhirī* yang beliau pegangi merupakan aliran pemikiran yang memahami sesuatu berasaskan makna literal. Ungkapan Ahli Kitab merupakan gabungan dua kalimah iaitu perkataan '*ahl*' dan perkataan '*kitab*' (*muḍāf* dan *muḍāf ilayh*) yang disandarkan antara satu sama lain bagi memberikan satu makna. Justeru itu, penyandaran perkataan '*kitab*' kepada perkataan '*ahl*' memberi maksud bahawa kitab dalam rangkaian istilah itu merupakan elemen penting kepada pemaknaannya. Kefahaman ini juga disokong berdasarkan penggunaan al-Qur'an terhadap ungkapan Ahli Kitab.⁷

b. Faktor selari yang wujud pada golongan Kristian dan Yahudi yang mempercayai kitab yang diturunkan kepada mereka. Ibn Ḥazm mengkategorikan kedua-dua golongan ini sebagai Ahli Kitab.

al-Wafāyāt karya al-Safḍī, *Irshād al-Arib* karya Yāqūt, *Tārīkh al-Ḥukamā'* karya Ibn al-Qaḥṭī, *Al-Mu'jib* karya al-Murakishī, *Matmah* karya Ibn Khafān, *Al-Muqaddimah* karya Ibn Khaldūn, dan *Ṭabaqāt al-Umām*.

⁵ Beliau adalah Muḥammad bin 'Abd al-Karīm bin Aḥmad bin Abī al-Qāsim bin Abī Bakar. Kebanyakan maklumat berkenaan beliau diambil daripada karya Ibn Khallikan yang bersumberkan catitan Abū Sa'ad al-Sum'ānī dalam kitab beliau *al-Dhayl* dan *al-Taḥbīr*. Sumber kedua bagi maklumat berkenaan biografi beliau juga dipetik daripada kitab *Tārīkh Ḥukamā' al-Islām* karangan al-Bayhaqī yang hidup sezaman dengan beliau.

⁶ Ibn Ḥazm tidak memberikan tumpuan terhadap pendefinisian dalam *al-Faṣl*.

⁷ Muḥammad Galib, *Ahl al-Kitab: Makna dan Cakupannya* (Jakarta: Penerbit Paramadina, 1998), 22.

c. Pembuktian golongan Majusi sebagai Ahli Kitab berasaskan kewujudan kitab yang dipegangi oleh golongan tersebut di samping kepercayaan mereka terhadap kenabian Zaradasth.⁸ Maklumat sejarah yang agak terperinci berhubung kitab pegangan golongan Majusi turut direncanakan oleh Ibn Ḥazm dalam karyanya.⁹ Beliau menyatakan bahawa kitab mereka sudah diubah dan sebahagian besarnya sudah pupus.

Sehubungan dengan itu, golongan yang diklasifikasikan oleh Ibn Ḥazm sebagai Ahli Kitab adalah: Yahudi, Kristian¹⁰ dan Majusi.¹¹

Al-Shahrastānī telah memberikan definisi Ahli Kitab sebagai “... kumpulan yang terkeluar daripada agama yang hanif dan syariat Islam. Mereka ialah kumpulan yang mempunyai syariat, hukum-hakam, hudud dan ulama.”¹² Daripada definisi yang dikemukakan ini dapat disenaraikan dua ciri utama Ahli Kitab menurut pandangan al-Shahrastānī:

- a. Mempunyai syariat, hukum-hakam, *hudud* dan ulama.
- b. Agama mereka telah keluar daripada agama yang lurus.¹³

⁸ Ibn Ḥazm, *Al-Faṣl fī al-Mīlāl wa al-Ahwā' wa al-Niḥāl*, ed. Muḥammad Ibrāhīm (Beirut: Dār al-Jayl, 1996), 1:139.

⁹ Ibn Ḥazm, *Al-Faṣl fī al-Mīlāl wa al-Ahwā' wa al-Niḥāl*, 1:139.

¹⁰ Ibn Ḥazm telah menggunakan istilah *Naṣara* merujuk kepada golongan Kristian. *Kamus Dewan* menyatakan Nasrani adalah Kristian tanpa ada perbezaan sama sekali. Lihat *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1072.

¹¹ Ibn Ḥazm dengan jelas mengkategorikan golongan Majusi adalah sebahagian daripada Ahli Kitab. Beliau menyatakan: “Orang Majusi juga walaupun mereka adalah Ahli Kitab dan tidak mengakui sebahagian para Nabi a.s...”. Lihat Ibn Ḥazm, *Al-Faṣl fī al-Mīlāl wa al-Ahwā' wa al-Niḥāl*, 1:66. Lihat juga Ibn Ḥazm, *Al-Muḥallā* (t.tp.:t.p., t.t.), 7:346. Selepas ini, karya ini akan dinyatakan sebagai *Al-Muḥallā*.

¹² Al-Shahrastānī Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm, *Agama dan Ideologi*, terj. Muḥammad Ramzi Omar, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), 150. Selepas ini, karya ini akan dinyatakan sebagai *al-Mīlāl*. Imam al-Haramayn telah menolak penggabungan dua pernyataan bagi satu definisi. Lihat Dīā’ al-Dīn ‘Abd al-Malik ibn Yūsuf al-Juwaynī al-Shāfi‘ī, *Al-Shāmil fī Usūl al-Dīn* (Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 168. Al-Shahrastānī menyatakannya sebagai: الخارحون عن الملة الحيفية، والشريعة الإسلامية؛ ممن يقول: بشرية وأحكام، وحدود وأعلام.

¹³ Muḥammad Azizan Sabjan, “Shahrastani on the People of the Book” (disertasi sarjana, ISTAC, Universiti Islam Antarabangsa, 2000), 7.

Al-Shahrestānī tidak menyatakan perkataan '*kitab*' dalam definisi beliau walaupun ianya merupakan elemen penting dalam konsep Ahli Kitab. Ini adalah berkemungkinan kerana menyatakan perkataan '*kitab*' dalam definisi Ahli Kitab merupakan pengulangan perkataan yang sama bagi suatu pendefinisian yang merupakan suatu kecacatan dalam pendefinisian tersebut.¹⁴ Justeru itu, bagi menerangkan perkataan '*kitab*' tersebut, al-Shahrestānī telah menggunakan ungkapan syariat, hukum-hakam, *hudud* dan ulama yang mana kesemua elemen ini berasaskan kepada kewujudan kitab yang menjadi asas sandaran. Di samping itu, al-Shahrestānī turut memasukkan golongan yang hanya menerima *suhuf* sebagai sebahagian daripada golongan Ahli Kitab. Justeru, al-Shahrestānī membahagikan Ahli Kitab kepada dua kategori:

- a. Kumpulan yang mempunyai kitab sebenar iaitu Yahudi dan Kristian.¹⁵
- b. Kumpulan yang mempunyai mirip kitab seperti Majusi (Zoroastrians) dan Manawi (Manichians).¹⁶

Perbezaan antara kedua-dua kumpulan pada pandangan al-Shahrestani berdasarkan dua aspek:

- a. Kitab yang hakiki adalah seperti Taurat¹⁷ dan Injil¹⁸ manakala mirip kitab adalah *suhuf* Ibrahim a.s.¹⁹

¹⁴ Antara syarat bagi sebuah definisi yang sempurna adalah definisi tersebut perlu lebih jelas daripada sesuatu yang didefinisikan tersebut. Begitu juga disyaratkan dalam definisi tidak ada pergantungan makna pendefinisian dengan sesuatu yang didefinisikan. Lihat 'Abd al-Rahman al-Maydānī, *Dawābiḥ al-Ma'rifah* (Damsyik: Dār al-Qalam, 1998), 61.

¹⁵ Inilah kumpulan yang al-Qur'an tujukan dengan panggilan sebagai Ahli Kitab. Lihat Al-Shahrestānī Muḥammad bin 'Abd al-Karīm, *Agama dan Ideologi*, 150.

¹⁶ Al-Shahrestani, *Agama dan Ideologi*, 150. Muhammad Azizan Sabjan berpandangan bahawa golongan Mirip Ahli Kitab adalah Majusi (Zoroastrians), Manawi (Manichians) dan al-Sabi'un (Sabians). Lihat Muhammad Azizan Sabjan, "Shahrestani on the People of the Book", vi. Namun begitu dalam tesis sarjana, beliau menyatakan hanya dua golongan berasaskan pandangan al-Shahrestānī iaitu Majusi (Zoroastrians) dan Manawi (Manichians) sahaja. Muhammad Azizan Sabjan, "Shahrestani on the People of the Book", 7. Secara pastinya daripada karya *al-Milal* hanya dua golongan ini sahaja yang dikategorikan sebagai Mirip Ahli Kitab. Namun begitu tiada kenyataan putus dari al-Shahrestānī yang menghadkan dua golongan ini sahaja bagi kategori tersebut. Al-Shahrestānī Muḥammad bin 'Abd al-Karīm, *Agama dan Ideologi*, 150

b. Kumpulan yang mempunyai kitab sebenar masih memiliki kitab mereka manakala kitab bagi kumpulan yang mempunyai mirip kitab, ianya telah diangkat ke langit.²⁰

Perbezaan antara kedua-dua kumpulan ini memberi kesan terhadap beberapa bentuk hubungan antara mereka dengan orang Islam. Al-Shahrestānī menerangkan tentang perbezaan tersebut:

Oleh kerana ini, adalah harus memeteraikan perjanjian dengan mereka (golongan Mirip Kitab)²¹ dan dilayan seperti orang-orang Yahudi dan Nasrani kerana mereka juga termasuk Ahli Kitab. Namun, tidak harus melangsungkan perkahwinan dengan mereka dan makan makanan sembelihan mereka kerana kitab telah pun diangkat daripada mereka.²²

Sehubungan dengan itu, perbezaan asas antara Ibn Ḥazm dan al-Shahrestānī adalah dari sudut pengklasifikasian Ahli Kitab kepada Ahli Kitab Hakiki dan Mirip Ahli Kitab yang dilakukan oleh al-Shahrestānī dan tidak disentuh oleh Ibn Ḥazm. Rentetan dari itu, Ibn Ḥazm menetapkan bahawa Majusi merupakan sebahagian daripada Ahli Kitab manakala al-Shahrestānī meletakkan mereka dalam golongan Mirip Ahli Kitab. Secara

¹⁷ Penulis akan menggunakan istilah Taurat merujuk kepada kitab suci asli yang diturunkan kepada Musa a.s. Ini bersesuaian dengan pengertian yang diberikan Kamus Dewan. Lihat *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 1617. Manakala Taurat Yahudi atau Taurat Ahli Kitab merujuk kepada Taurat yang telah diselewengkan. Istilah Taurat Yahudi turut digunakan oleh salah seorang pengkaji iaitu ‘Abd al-Wahhab ‘Abd al-Salam. Lihat ‘Abd al-Wahhab ‘Abd al-Salam, *Tawrah al-Yahūd wa al-Imām Ibn Ḥazm al-Andalusī* (Damsyik: Dār al-Qalam, 2004).

¹⁸ Penulis akan menggunakan istilah Injil merujuk kepada kitab suci asli yang diturunkan kepada ‘Isa a.s. Manakala Bible atau Gospel atau Perjanjian Baru merujuk kepada Injil yang telah diselewengkan.

¹⁹ Al-Shahrestānī Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm, *Agama dan Ideologi*, 173. Al-Shahrestānī tidak menyatakan *suḥuf* yang diturunkan kepada nabi yang lain seperti *suḥuf* Shith dan *suḥuf* Musa.

²⁰ Al-Shahrestānī Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm, *Agama dan Ideologi*, 150. Lihat juga Muḥammad Azizan Sabjan, “Shahrestānī on the People of the Book”, 7.

²¹ Secara umum, Islam mengharuskan pemeteraian perjanjian dengan sesiapa sahaja.

²² Al-Shahrestānī Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm, *Agama dan Ideologi*, 150. Perbezaan yang disebutkan itu menunjukkan bahawa al-Shahrestānī menerima pengaruh mazhab Shāfi‘ī dalam tafsiran mereka terhadap Ahli Kitab. Imam al-Shāfi‘ī menjadikan unsur keturunan sebagai salah satu ciri dalam membahaskan status Ahli Kitab.

sepakat pula kedua-dua tokoh ini menyenaraikan Yahudi dan Kristian sebagai Ahli Kitab secara pasti.

Ahli Kitab Berpegang kepada Kitab Suci

Bagi menjelaskan lagi pengertian Ahli Kitab, beberapa ciri dapat digariskan sebagai landasan kefahaman terhadap golongan ini. Pertamanya, Ahli Kitab berpegang dengan kitab yang diturunkan sebagai wahyu yang dianggap suci. Golongan Yahudi secara keseluruhannya berpegang dengan Taurat Yahudi manakala golongan Kristian berpegang dengan kitab Bible. Beberapa kriteria bagi kitab tersebut diperjelaskan oleh Ibn Ḥazm dan al-Shahrastānī dalam senaraian berikut:

- a. Kedua-dua tokoh ini bersetuju bahawa terdapat pelbagai versi bagi Taurat Yahudi dan Bible yang telah diselewengkan oleh golongan Yahudi dan Kristian. Golongan Yahudi mempunyai versi Taurat `Isawiyah dan Samiriyah di samping Taurat Yahudi yang asas. Manakala golongan Kristian mempunyai versi Bible dan Gospel yang pelbagai. Versi-versi yang berbeza ini sekaligus membuktikan penyelewengan yang ada dalam kitab tersebut.²³
- b. Selain daripada dua buah kitab yang dinyatakan diatas, kedua-dua golongan Ahli Kitab ini turut mempercayai kitab-kitab lain. Bagi golongan Yahudi, Ibn Ḥazm menyatakan Kitab Yusha',²⁴ al-Zabūr,²⁵ Shārahsīr, Mathalan dan Qūhalth,²⁶ dan al-Talmud.²⁷ Al-Shahrastānī pula menyatakan kepercayaan Yahudi

²³ Lihat perbincangan lanjut dalam Michael D. Coogan, *The Old Testament: A Historical and Literary Introduction to the Hebrew Scriptures* (New York: Oxford University Press, 2006), 21-23.

²⁴ Ibn Ḥazm, *Al-Faṣl fī al-Milal wa al-Ahwā' wa al-Niḥal*, 1:229.

²⁵ Ibn Ḥazm, *Al-Faṣl fī al-Milal wa al-Ahwā' wa al-Niḥal*, 1:230.

²⁶ Ibn Ḥazm, *Al-Faṣl fī al-Milal wa al-Ahwā' wa al-Niḥal*, 1:232-233.

²⁷ Ibn Ḥazm, *Al-Faṣl fī al-Milal wa al-Ahwā' wa al-Niḥal*, 1:245. Talmud adalah riwayat mulut ke mulut para *hakham* dari satu generasi ke generasi yang lain. Ia bermula lebih kurang 150 tahun selepas Masihi bilamana seorang *hakham* bernama Judas menghimpun semua riwayat itu dalam sebuah kitab dinamakan al-Mishna (Midrash). Kemudiannya *hakham-hakham* di Palestin dan Babylon telah memasukkan tambahan-tambahan bagi kitab tersebut sehingga dihimpunkan oleh Yahuza pada tahun 216 M. Tambahan tersebut juga dinamakan sebagai Mishna. Seterusnya kitab Mishna ditambah dengan nota kaki yang dinamakan sebagai Jimara. Gabungan Mishna dan Jimara dinamakan sebagai Talmud. Lihat Ahmad Shalaby, *Perbandingan Agama: Agama Yahudi*, terj. A. Wijaya (Jakarta: Bumi Aksara, 1990), 278.

terhadap *Lawh-lawh* yang diturunkan kepada Musa a.s. Bagi golongan Kristian, Ibn Ḥazm menyatakan Kitab al-Afraksis,²⁸ kitab al-Wahy wa al-ʿIlān,²⁹ Tujuh risalah undang-undang,³⁰ dan Risalah Paul. Al-Shahrastānī menyatakan pegangan Kristian terhadap Risalah Paul yang menyamai Gospel yang empat. Ini membuktikan bahawa golongan Ahli Kitab turut menambah kepercayaan mereka terhadap beberapa kitab yang sememangnya merupakan penulisan manusia seperti kitab al-Talmud dan Risalah Paul.³¹ Dapat disimpulkan bahawa kitab yang menjadi pegangan golongan Ahli Kitab tidak terhad kepada satu kitab sahaja.

c. Kedua-dua tokoh ini bersependirian menyatakan bahawa kitab Taurat dan Injil telah diselewengkan. Ibn Ḥazm dilihat telah menggunakan segala keupayaan beliau bagi membuktikan bahawa Taurat Yahudi telah diselewengkan, manakala al-Shahrastani walaupun mengakui penyelewengan yang ada, namun beliau tidak mengfokuskan aspek penghujahan.³² Rumusannya, kitab suci Ahli Kitab mempunyai ciri-ciri yang membuktikan penyelewengan yang ada dalam kandungannya.³³

d. Kedua-dua tokoh ini bersependapat tentang kewujudan beberapa fakta yang dikemukakan dalam Taurat Yahudi dan Bible

²⁸ Ibn Ḥazm, *Al-Faṣl fī al-Milal wa al-Ahwāʾ wa al-Niḥal*, 1:251.

²⁹ Ibn Ḥazm, *Al-Faṣl fī al-Milal wa al-Ahwāʾ wa al-Niḥal*, 1:251.

³⁰ Ibn Ḥazm, *Al-Faṣl fī al-Milal wa al-Ahwāʾ wa al-Niḥal*, 1:251.

³¹ Malahan kitab-kitab suci mereka juga turut bertambah. Orang Yahudi menambah sebuah buku yang dinamakan sebagai Protokol-protokol. Lihat Ahmad Shalaby, *Perbandingan Agama: Agama Yahudi*, 235. Manakala golongan Nasrani pula menambah karangan-karangan yang dihasilkan oleh Majamiʾ Batarikah wa Asaqifah dan karangan tentang hukum fiqh Kristian antaranya yang ditulis oleh Raja Dakrid bagi Kristian Andalus yang mempunyai nilai yang tinggi pada mereka sebagai sebahagian kitab suci. Lihat Ibn Ḥazm, *Al-Faṣl fī al-Milal wa al-Ahwāʾ wa al-Niḥal*, 1:251.

³² Ahli sejarah telah bersepatat menyatakan bahawa Taurat yang ada pada tangan orang Yahudi ditulis selepas kewafatan Musa a.s. selama beberapa kurun. Lihat Mohd Fauzi bin Awang, *Ugama² Dunia* (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1971), 133, Michael D. Coogan, *The Old Testament: A Historical and Literary Introduction to the Hebrew Scriptures*, 21

³³ Antara ulama yang turut menulis tentang penyelewengan dalam Perjanjian Baru dan Perjanjian Lama adalah Rahmah Allah bin Khalil al-Rahman yang dilakukan dengan penuh penelitian dalam empat jilid. Lihat Rahmah Allāh bin Khalil al-Rahman, *Izhār al-Haq: Adaq Dirāsah Naqdiyyah fī Ithbāt Wuqūʾ al-Tahrīf wa al-Nasakh fī al-Tawrāh wa al-Injīl*, ed. Muḥammad Aḥmad Mulkawī (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1994).

merupakan fakta yang benar dan sebahagian daripada wahyu ilahi. Justeru itu, antara aspek penting bagi menilai sesebuah kitab yang telah diselewengkan adalah dengan melihat kewujudan fakta-fakta yang benar yang terselindung di sebalik sekian banyak penyelewengan dan perubahan yang telah termaktub.

e. Taurat Yahudi dan Bible mengandungi telahan dan ramalan tentang kedatangan nabi akhir zaman di samping penyataan berkenaan sifat-sifat nabi tersebut secara jelas. Kedua-dua tokoh ini telah membawakan kenyataan-kenyataan daripada Taurat Yahudi tentang ramalan tersebut.³⁴ Hakikatnya masih terdapat banyak ramalan tentang kedatangan Islam dan Muhammad dalam Taurat Yahudi.³⁵

Kedua-dua tokoh ini tidak membawakan kenyataan-kenyataan daripada Gospel bagi membuktikan kemunculan agama Islam dan Muhammad SAW. Sedangkan terdapat banyak kenyataan yang boleh dipetik daripada Gospel antaranya:

Glory be to God in the Highest,

And on earth peace

And among men good will³⁶

(Luke 2: 14)

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa antara aspek penting bagi kitab suci agama Ahli Kitab adalah mengandungi ramalan tentang kedatangan Islam dan Muhammad SAW.

Penerimaan Konsep Kenabian dalam Kalangan Ahli Kitab

Ahli Kitab secara prinsipnya mengakui dan menerima konsep kenabian. Kedua-dua golongan Ahli Kitab ini secara umumnya menerima kenabian yang diutuskan Tuhan dengan kitab suci. Secara asas, golongan Yahudi memperakui kenabian Musa a.s.

³⁴ Ibn Ḥazm, *Al-Faṣl fī al-Milal wa al-Ahwā' wa al-Niḥal*, 1:232, 135, 135 dan al-Shahrastānī Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm, *Agama dan Ideologi*, 157.

³⁵ Lihat Song of Solomon 5:15-16 (King James Version), Haggai 2:7-9 (King James Version), Deuteronomy 33:1-3 (New King James Version), Isaiaah 21:13-17 (New King James Version), Isaiaah 29: 11- 12 (King James Version).

³⁶ Ungkapan “good will” dalam kenyataan Gospel Luke di atas merupakan terjemahan yang tidak tepat daripada terjemahan bahasa Greek, “Eiriny” dan “Eudokia.” Terjemahan yang tepat bagi “Eiriny” adalah “shalom, shlama dan Islam.” Justeru, secara jelas kenyataan ini merujuk kepada agama Islam.³⁶ Manakala terjemahan yang betul bagi “Eudokia” adalah Ahmad. Lihat ‘Abdul Ahad Dawud, *Muhammad in World Scriptures: The Bible* (Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, 2006), 136.

yang diturunkan dengan Taurat dan golongan Kristian memperakui kenabian 'Isa a.s. yang diturunkan dengan Injil. Namun begitu beberapa aspek tentang kenabian sewajarnya diberikan penjelasan yang lebih mendalam berasaskan perbahasan Ibn Ḥazm dan al-Shahrastānī:

a. Ibn Ḥazm dan al-Shahrastānī menyatakan kedua-dua golongan ini mempunyai perbezaan dalam menerima kenabian tertentu. Mereka tidak menerima Muhammad SAW sebagai nabi akhir zaman kepada seluruh alam. Golongan Yahudi juga tidak menerima Nabi 'Isa a.s. sebagai seorang nabi untuk mereka. Justeru itu, konsep Ahli Kitab perlu dibina atas asas penerimaan terhadap konsep kenabian bagi mana-mana individu tanpa dikhususkan dengan nabi tertentu.

b. Golongan Ahli Kitab mempercayai kedatangan seorang nabi sebagai penyelamat di akhir zaman. Kenyataan tentang kedatangan nabi ini dibicarakan dalam kitab-kitab suci mereka.³⁷

c. Kedua-dua golongan ini mempunyai kecenderungan mengangkat martabat kenabian kepada peringkat ketuhanan. Ibn Ḥazm menyatakan sekumpulan Yahudi yang menyatakan bahawa 'Uzayr adalah anak Tuhan.³⁸ Manakala majoriti golongan Kristian menganggap 'Isa a.s. sebagai anak Tuhan.³⁹

d. Kewujudan nabi yang dipercayai oleh golongan Ahli Kitab dapat disahkan kebenarannya. Bagi agama Yahudi, Islam mengesahkan kenabian Musa a.s. dan bagi agama Kristian, Islam mengesahkan kenabian 'Isa a.s. Justeru itu, nabi yang menjadi ikutan golongan Ahli Kitab merupakan nabi yang dapat dipastikan kewujudan dan kebenarannya dalam suratan sejarah.

Penyelewengan Agama Ahli Kitab

Perbahasan yang telah dikemukakan oleh Ibn Ḥazm dan al-Shahrastānī terhadap agama Yahudi dan Kristian memperlihatkan bahawa agama Ahli Kitab ini telah diselewengkan dengan sebegitu teruk. Perubahan dan penyelewengan tersebut menyentuh dasar agama dari sudut akidah kepercayaan, syariat dan pengamalan harian. Kedua-dua tokoh ini telah membuktikan penyimpangan

³⁷ Lihat sebagai contoh dalam Gospel Luke 2:14 dan Song of Solomon 5:15-16 (King James Version).

³⁸ Surah al-Tawbah 9: 30.

³⁹ Surah al-Tawbah 9: 30.

mereka dari sudut akidah. Agama Yahudi dicemari dengan kepercayaan *tashbih* dan kepercayaan yang merendahkan ketinggian Tuhan manakala agama Kristian dicemari dengan konsep trinititi dan penyatuan. Kesemua kepercayaan ini bertentangan dengan akidah tauhid yang sebenar. Dari sudut syariah pula, kedua-dua agama ini terdedah kepada pelbagai bentuk perubahan yang sebahagiannya menyentuh asas kepercayaan seperti bersujud kepada gambar.

Ideologi sebagai Asas Konsep Ahli Kitab

Kedua-dua tokoh ini tidak memberikan penekanan terhadap aspek keturunan dalam perbincangan mereka terhadap Yahudi dan Kristian. Justeru, penulis bersetuju dengan pandangan kedua-dua tokoh ini yang meletakkan aspek ideologi sebagai asas pemahaman terhadap Ahli Kitab. Sememangnya tiada nas yang menjadikan keturunan sebagai asas kepada pemahaman Ahli Kitab. Justeru itu, sesiapa sahaja tanpa mengira asal keturunan yang menganut agama Ahli Kitab maka mereka dikira sebagai Ahli Kitab bertepatan dengan firman Allah Taala:⁴⁰

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الْيَهُودَ وَالنَّصَرَىٰ أَوْلِيَاءَ
بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ ۚ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ مِنكُمْ فَإِنَّهُ مِنَّهُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ
لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasrani itu sebagai teman rapat, kerana setengah mereka menjadi teman rapat kepada setengahnya yang lain; dan sesiapa di antara kamu yang menjadikan mereka teman rapatnya, maka Sesungguhnya ia adalah dari golongan mereka itu mereka itu. Sesungguhnya Allah tidak memberikan petunjuk kepada kaum yang berlaku zalim.

Surah al-Mā'idah 5:51

⁴⁰ Lihat penghujahan yang dilakukan oleh Ibn 'Abbas r.a. Sila rujuk Abū Bakr bin Mas'ūd bin Aḥmad al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'* (t.tp.:t.p., t.t.), 10, dan 165-166.

Sememangnya aspek etnik dan keturunan tidak sesuai untuk dijadikan asas dalam memahami konsep Ahli Kitab kerana ia tertolak berdasarkan beberapa fakta:

- a. Penganut Kristian yang secara sepakat dikategorikan sebagai Ahli Kitab turut dianuti oleh pelbagai bangsa selain Yahudi.⁴¹ Walaupun pada dasarnya agama Kristian merupakan agama yang dikhususkan untuk orang Yahudi, namun ia telah dikembangkan dan diberi tafsiran baru khususnya oleh Saint Paul.⁴²
- b. Agama Yahudi juga menerima bangsa lain untuk menganuti agamanya⁴³ dengan syarat-syarat ketat yang diletakkan.
- c. Agama Majusi yang turut dikategorikan sebagai Ahli Kitab oleh sebahagian ulama tidak mempunyai kaitan langsung dengan bangsa Yahudi.
- d. Istilah Ahli Kitab yang digunakan di dalam al-Qur'an lebih bercirikan ideologi berbanding ciri keturunan atau etnik.⁴⁴

Namun begitu, ulama Shāfi'iyah memberikan sedikit penekanan terhadap aspek etnik dalam perbincangan mereka terhadap golongan Ahli Kitab. Mereka telah membahagikan Ahli Kitab kepada dua golongan:

- a. Yahudi dan Kristian daripada kalangan Bani Isra'il.
- b. Bukan Bani Isra'il tetapi beriman dengan agama Yahudi atau Kristian:
 - i. beriman sebelum penyelewengan.
 - ii. beriman selepas penyelewengan.
 - iii. beriman tetapi tidak diketahui sebelum atau selepas.⁴⁵

⁴¹ Etnik ditolak kerana penganut Kristian bukan keseluruhannya adalah keturunan Yahudi. Lihat Muhammad Galib, *Ahl al-Kitab: Makna dan Cakupannya*, 27.

⁴² Mohd Rosmizi Abdul Rahman, *4 Agama Monoteisme: Islam, Kristian, Yahudi, Zoroaster* (Bentong: PTS Publications & Distributions Sdn. Bhd., 2004), 99. Justeru itu, golongan Kristian daripada Bani Taghlab merupakan sebahagian daripada Ahli Kitab dan al-Shāfi'ī menghalalkan sembelihan mereka. Lihat Ibn al-'Arabī, *Aḥkām al-Qur'an* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1996), 2:44. Lihat juga penulisan Todd Klutz, berjudul *Paul and the Development of Gentile Christianity* dalam Philip F. Esler et al., *The Early Christian World* (London: Routledge, 2000), 1:168.

⁴³ Muhammad Galib, *Ahl al-Kitab: Makna dan Cakupannya*, 27.

⁴⁴ Muhammad Galib, *Ahl al-Kitab: Makna dan Cakupannya*, 27.

⁴⁵ Muhammad Azizan Sabjan, "Shahrastani on the People of the Book", 67 dan Muhammad Galib, *Ahl al-Kitab: Makna dan Cakupannya*, 67. Badrān Abū al-'Aynayn Badrān, *Al-'Alāqāt al-Ijtimā'iyah bayna al-Muslimīn wa Ghayr al-*

Shafi'iyah hanya mengiktiraf Ahli Kitab dari dua golongan sahaja iaitu golongan Yahudi dan Kristian daripada kalangan Bani Isra'el dan golongan bukan Bani Isra'el tetapi beriman dengan Yahudi atau Kristian sebelum penyelewengan.⁴⁶ Pembahagian ini bukan asas yang kukuh bagi menyatakan bahawa golongan Shafi'iyah meletakkan unsur etnik sebagai asas utama dalam memberikan pengertian Ahli Kitab. Jika diteliti dengan tuntas, mereka secara jelas telah menerima bangsa bukan Yahudi sebagai Ahli Kitab dengan syarat anutan mereka sebelum berlakunya perubahan terhadap agama tersebut. Justeru itu, pemahaman mereka terhadap konsep Ahli Kitab lebih tertumpu kepada aspek ideologi berbanding aspek etnik.⁴⁷

Konsep Ahli Kitab Melangkaui Yahudi dan Kristian

Ibn Ḥazm dan al-Shahrastānī telah memperluaskan konsep Ahli Kitab. Penulis bersetuju dengan pandangan kedua-dua tokoh ini yang tidak membataskan agama Yahudi dan Kristian sahaja sebagai Ahli Kitab. Ibn Ḥazm telah memasukkan golongan Majusi

Muslimīn fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah wa al-Yahūdiyyah wa al-Naṣraniyyah wa al-Qānūn, 41.

⁴⁶ Muhammad Azizan Sabjan, "Shahrastani on the People of the Book", 67. Badran telah menolak pembahagian ini dengan beberapa hujah. Beliau menyatakan: "Ini adalah pembahagian yang terperinci daripada golongan Shafi'iyah. Saya tidak nampak ianya bersesuaian. Saya juga tidak mengetahui dari mana mereka mendapat perincian ini. Sesungguhnya apabila kita kembali kepada permulaan Islam, kita tidak akan mendapati Rasul SAW dan tidak juga para Sahabat baginda menyelidiki dan menyiasat tentang Ahli Kitab pada zaman mereka, dan tidak juga mereka menyelidiki tentang bila masanya ayah serta datuk mereka menganut agama tersebut. Tidak pernah berlaku seorang daripada mereka bertanya adakah ayah atau datuk mereka menganut agama tersebut sebelum atau selepas penyelewengan. Sesungguhnya hubungan mereka adalah bebas dan dalam batasan yang ditetapkan oleh syarak dan bebas daripada ikatan-ikatan yang ditetapkan oleh al-Shāfi'iyah." Lihat Badrān Abū al-'Aynayn Badrān, *Al-'Alāqāt al-Ijtīmā'iyah bayna al-Muslimīn wa Ghayr al-Muslimīn fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah wa al-Yahūdiyyah wa al-Naṣraniyyah wa al-Qānūn*, 42.

⁴⁷ Badrān Abū al-'Aynayn Badrān, *Al-'Alāqāt al-Ijtīmā'iyah bayna al-Muslimīn wa Ghayr al-Muslimīn fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah wa al-Yahūdiyyah wa al-Naṣraniyyah wa al-Qānūn*, 41. Badran menyatakan golongan yang berpegang dengan pandangan ini adalah golongan Shāfi'iyah dan kebanyakan Hanabilah. 'Ali al-'Adawi dari kalangan Malikiyyah turut menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan mereka (Ahli Kitab) adalah Yahudi dan Nasrani. Lihat 'Ali al-'Adwi, *Ḥashīyah al-'Adawī* (t.tp., tp.:t.t.), 386.

sebagai Ahli Kitab dan al-Shahrastānī memasukkan Majusi (Zoroastrians) dan Manawi (Manichians) sebagai golongan Mirip Ahli Kitab. Beberapa hujah yang digunakan untuk mengkhususkan Ahli Kitab bagi agama Yahudi dan Kristian merupakan hujah yang tidak jelas menangani permasalahan ini. Penulis akan menyenaraikan hujah-hujah yang dikemukakan, kemudian menerangkan penghujahannya dan seterusnya akan memberikan keterangan balas terhadap penghujahan tersebut:

1. Firman Allah Taala:

أَنْ تَقُولُوا إِنَّمَا أَنْزَلَ الْأَكْتَابُ عَلَيَّ طَائِفَتَيْنِ مِنْ قَبْلِنَا وَإِنْ
كُنَّا عَنْ دِرَاسَتِهِمْ لَغَافِلِينَ

Terjemahan: Supaya kamu tidak mengatakan: “Bahawa Kitab (ugama) itu hanya diturunkan kepada dua golongan (Yahudi dan Nasrani) dahulu sebelum kami, dan Sesungguhnya Kami lalai (tidak faham) akan apa Yang dibaca dan dipelajari oleh mereka.

Al-An‘ām 6:156.

Ayat ini menjelaskan bahawa Ahli Kitab hanya terdiri daripada dua golongan iaitu Yahudi dan Kristian.⁴⁸ Agama-agama lain tidak termasuk dalam Ahli Kitab. Sekiranya ada agama selain dua agama tersebut, maka ia merupakan tambahan kepada dua golongan ini yang tidak seharusnya berlaku.⁴⁹ Justeru itu mana-mana agama yang hendak digolongkan sebagai Ahli Kitab perlu mempunyai hubungkait dengan kedua-dua agama tersebut melalui prinsip-prinsip asasnya.

Namun begitu, ayat ini tidak dapat dijadikan asas bagi membataskan golongan Ahli Kitab kepada Yahudi dan Kristian sahaja berasaskan beberapa pengamatan:

a. Walaupun ayat ini secara jelas menyatakan dua kumpulan yang diturunkan kitab, namun ayat ini juga tidak menafikan kewujudan golongan lain yang berkemungkinan juga diturunkan kitab. Al-Alusi menyatakan bahawa sebutan tentang dua golongan

⁴⁸ Muḥammad Ibn ‘Umar Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *Al-Taḥsīn al-Kabīr* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000), 14:6.

⁴⁹ Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1997), 9:6656, al-Kāsānī, *Badā’i’ al-Ṣanā’i*, 5:454.

ini dalam ayat ini kerana mereka kemasyhuran mereka sebagai Ahli Kitab dan terkenal sebagai golongan yang diturunkan kitab suci.⁵⁰

b. Ayat ini hanya menerangkan tentang pandangan golongan Mushrikin yang hanya mengenali dua golongan ini sahaja⁵¹ dan bukannya suatu pernyataan daripada Tuhan. Justeru ia tidak menafikan kewujudan golongan lain yang boleh dikategorikan sebagai Ahli Kitab yang tidak dikenali oleh golongan Mushrikin.⁵²

2. Diriwayatkan daripada Ibn ‘Abbas r.a: Sesungguhnya dihalaikan sembelihan Yahudi dan Nasrani kerana mereka beriman dengan Taurat dan Injil.⁵³

Athar ini menunjukkan bahawa sembelihan golongan Yahudi dan Kristian dihalaikan untuk orang Islam. Ini menunjukkan dua golongan ini sahaja dikategorikan sebagai Ahli Kitab kerana orang Islam tidak dibenarkan memakan sembelihan orang kafir melainkan Ahli Kitab sahaja. Hujah yang dikemukakan ini masih perlu diperhalusi:

a. Athar yang diriwayatkan ini tidak secara *ṣarih* mengkhususkan Yahudi dan Kristian sebagai Ahli Kitab dan ia juga tidak menafikan golongan lain yang mungkin dikategorikan sebagai Ahli Kitab.

b. Athar yang diriwayatkan ini hanya merupakan pandangan Ibn ‘Abbas yang merupakan seorang sahabi. Pandangan sahabi bukan merupakan hujah yang putus yang perlu diterima secara konsensus.⁵⁴

3. Dilihat dari sudut penggunaan al-Qur’an, istilah Ahli Kitab digunakan merujuk kepada dua golongan sahaja iaitu Yahudi dan

⁵⁰ Mahmūd ibn ‘Abd Allāh al-Alūsī, *Rūḥ al-Ma‘ānī* (t.tp.:t.p., t.t.), 1:149.

⁵¹ Ayat berikutnya menyatakan dengan lebih jelas tentang perbandingan yang dibuat oleh golongan Mushrikin dengan dua kumpulan ini. Perbandingan tidak dapat dilakukan melainkan pada lingkungan pengetahuan dan pengenalan mereka sahaja.

⁵² Muḥammad Ibn Jarīr Ibn Yazīd al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Ṭabarī* (t.tp.: t.p., t.t.), 1:149.

⁵³ Muḥammad ‘Abd Allāh al-Ḥākīm al-Naysābūrī, *Al-Mustadrak, Tafsir Surah al-Mā'idah*, no. hadith 3170.

⁵⁴ Abd al-Karīm Zaydān, *Al-Wajīz fī Usūl al-Fiqh* (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1997), 260.

Kristian.⁵⁵ Sememangnya penggunaan al-Qur'an terhadap sesuatu istilah memberi kesan terhadap pengertiannya. Pun begitu beberapa isu perlu diberikan pengamatan sewajarnya berhubung dengan masalah Ahli Kitab:

a. Kedapatan hadis Nabi SAW yang turut menyamakan golongan Majusi dengan Yahudi dan Kristian dari aspek hubungan dengan pemerintahan Islam.⁵⁶ Ini membuktikan bahawa pengertian Ahli Kitab bukan suatu yang dikhususkan untuk golongan Yahudi dan Kristian sahaja secara mutlak. Malah terdapat kemungkinan penggunaannya diperluaskan.

b. Keplbagaian tafsiran terhadap Ahli Kitab oleh para ulama membuktikan bahawa penggunaan al-Qur'an terhadap istilah ini merupakan suatu yang masih longgar dan terbuka.

Justeru itu, hujah yang digunakan untuk menghadkan Ahli Kitab bagi golongan Yahudi dan Kristian sahaja merupakan hujah yang longgar. Ringkasnya, dapat dirumuskan bahawa Ahli Kitab tidak terhad kepada golongan Yahudi dan Kristian sahaja. Malah pengertiannya boleh diperluaskan kepada agama-agama lain yang menepati ciri-ciri Ahli Kitab.

Namun begitu, pandangan yang memasukkan semua agama dalam kategori Ahli Kitab perlu diberikan penilaian yang sewajarnya.⁵⁷ Walaupun pandangan ini didokong dengan pelbagai hujah, penelitian terhadap hujah-hujah yang pelbagai dan *muwazanah* antara kesemua hujah-hujah (hujah pro dan kontra) menunjukkan bahawa konsep Ahli Kitab perlu difahami dengan skop dan batasan tertentu. Penulis akan menyenaraikan dalil-dalil yang dikemukakan dengan menerangkan penghujahannya dan seterusnya akan memberikan keterangan balas terhadap penghujahan tersebut:

1. Firman Allah Taala:

⁵⁵ Para ulama bersepakat bahawa istilah Ahli Kitab menunjuk kepada dua komuniti ini. Lihat Muhammad Galib, *Ahl al-Kitab: Makna dan Cakupannya*, 28

⁵⁶ Mālik ibn Anas ibn Mālik, *Al-Muwattā'* (t.tp.: t.p., t.t.), *Bāb Jizyah Ahl al-Kitāb wa al-Majūs*, no. 544. Lihat juga al-Shāfi'ī, *Al-Umm* (Kaherah: Dār al-Ghad al-'Arabī, 1990), 4:247.

⁵⁷ Pandangan ini didokong kuat oleh Maulana Muḥammad 'Alī dan Rashīd Redā.

وَلَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكَةَ حَتَّىٰ تُؤْمِنَ ۚ وَلَا أُمَّةٌ مُّؤْمِنَةٌ خَيْرٌ مِّنْ
مُّشْرِكَةٍ وَلَوْ أَعْجَبَتْكُمْ ۗ وَلَا تُنكِحُوا الْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُوا ۚ
وَلَعَبْدٌ مُّؤْمِنٌ خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكٍ وَلَوْ أَعْجَبَكُمْ ۗ أُولَٰئِكَ يَدْعُونَ
إِلَى النَّارِ ۗ وَاللَّهُ يَدْعُوا إِلَىٰ الْجَنَّةِ وَالْمَغْفِرَةِ بِإِذْنِهِ ۗ وَيُبَيِّنُ
ءَايَاتِهِ ۗ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ

Terjemahan: Dan janganlah kamu berkahwin Dengan perempuan-perempuan kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk ugama Islam); dan Sesungguhnya seorang hamba perempuan Yang beriman itu lebih baik daripada perempuan kafir musyrik sekalipun keadaannya menarik hati kamu. dan janganlah kamu (kahwinkan perempuan-perempuan Islam) Dengan lelaki-lelaki kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk agama Islam) dan Sesungguhnya seorang hamba lelaki Yang beriman lebih baik daripada seorang lelaki musyrik, sekalipun keadaannya menarik hati kamu. (yang demikian ialah kerana orang-orang kafir itu mengajak ke neraka sedang Allah mengajak ke syurga dan memberi keampunan Dengan izinNya. Dan Allah menjelaskan ayat-ayatNya (keterangan-keterangan hukumNya) kepada umat manusia, supaya mereka dapat mengambil pelajaran (daripadanya).

Al-Baqarah 2:221

Mawlana Muhammad ‘Alī menerangkan bahawa ayat ini secara jelas melarang perkahwinan dengan golongan mushrikat, secara tidak langsung golongan selain mushrikat dibenarkan untuk dikahwini.⁵⁸ Golongan mushrikat yang dimaksudkan dalam ayat

⁵⁸ Penghujahan yang digunakan adalah merupakan penghujahan berasaskan kepada *Maḥmū al-Mukhālafah*. Ia bermaksud petunjuk (*dilālah*) daripada lafaz bagi menetapkan hukum yang bertentangan dengan yang disebutkan (mantuq) yang didiamkan ia. Ia terbahagi kepada beberapa jenis; *Maḥmū al-Sīfāt*, *Maḥmū al-Shart*, *Maḥmū al-Ghāyah*, *Maḥmū al-‘Adad* dan *Maḥmū*

ini adalah daripada golongan mushrikin Quraysh. Justeru itu penganut agama lain dibolehkan untuk dikahwini⁵⁹ dan mereka diiktiraf sebagai Ahli Kitab.⁶⁰

Hujah yang dikemukakan ini perlu diperhalusi daripada beberapa sudut:

a. Pengharaman terhadap sesuatu tidak membawa maksud perkara yang lain yang berlawanan dengannya adalah halal. Dengan erti kata lain, pengharaman mengahwini wanita mushrikat tidak bererti menghalalkan perkahwinan dengan wanita selain mereka.⁶¹ Persamaannya dapat dilihat bilamana ada ayat yang mengharamkan memakan harta manusia dengan cara yang berdosa,⁶² maka itu tidak bererti boleh memakan harta makhluk lain dengan cara berdosa.

al-Laqaab. Lihat ‘Abd al-Karīm Zaydān, *Al-Wajīz fī Usūl al-Fiqh*, 366-399. Penghujahan yang telah dilakukan adalah berasaskan kepada *Maḥmūm al-Laqaab*.

⁵⁹ Golongan Ahli Kitab yang disebutkan dalam surah al-Mā’idah ayat 5 ditafsirkan sebagai penganut agama lain sebagai kesinambungan daripada pengharaman wanita mushrikat dalam surah al-Baqarah ayat 2.

⁶⁰ Mawlana Muḥammad ‘Alī, *Islamologi*, 763. Menerangkan ayat 5:5, beliau mengatakan: “Jadi terang sekali bahwa perkahwinan dengan perempuan atau laki-laki musyrik dilarang, tetapi perkahwinan dengan penganut agama lain diperbolehkan. Oleh kerana di dalam Qur’an dinyatakan bahwa Wahyu Ilahi telah diturunkan kepada sekalian bangsa di dunia (35:24), kecuali kaum musyrik bangsa Arab saja yang belum pernah kedatangan wahyu (32: 3; 36: 6), maka ditarik kesimpulan bahwa kaum Muslimin hanya dilarang kawin dengan kaum musyrik bangsa Arab, sedangkan perkahwinan dengan perempuan yang menganut agama lain di dunia, diperbolehkan. Kaum Kristen, kaum Yahudi, Majusi, Budhist maupun Hindu (pada dasarnya agama Sikh digolongkan pada agama Hindu), semuanya tergolong kaum Ahli Kitab. Walaupun menurut ajaran Kristen, Yesus Kristus disebut Allah atau anak Allah, sehingga ini terang-terangan dapat disebut syirik, namun kaum Kristen diperlakukan sebagai kaum Ahli Kitab, bukan sebagai kaum musyrik, maka dari itu, hubungan perkahwinan dengan pihak mereka diperbolehkan. Semua bangsa yang mula-mula pernah diturunkan agama Allah, mereka harus diperlakukan sebagai kaum Ahli Kitab, walaupun agama mereka sekarang berbau syirik karena kesalahan mereka. Maka dari itu, perempuan Hindu maupun Majusi, halal dikawin seperti perempuan Kong Hu Cu, Buddha ataupun Tao.” Lihat Mawlana Muḥammad ‘Alī, *Islamologi*, 764.

⁶¹ Penggunaan *Maḥmūm al-Laqaab* sebagai cabang kepada *Maḥmūm al-Mukhālafah* telah ditolak oleh jumhur ulama. Lihat ‘Abd al-Karīm Zaydān, *Al-Wajīz fī Usūl al-Fiqh*, 370.

⁶² Lihat sebagai contoh dalam surah al-Baqarah 2: 188, surah al-Nisā’ 4:2, 29.

b. Para ulama berselisih pendapat dalam menetapkan makna mushrikat dalam ayat tersebut. Sebahagian mereka menyatakan makna mushrikat tersebut meliputi segala bentuk syirik termasuk juga syirik yang ada dalam agama Yahudi dan Kristian. Oleh itu, sebahagian fuqaha⁶³ mengharamkan perkahwinan dengan Ahli Kitab.⁶⁴ Justeru, ayat ini tidak dapat dijadikan hujah pemutus dalam masalah ini.

c. Ayat ini tidak secara khusus membahaskan tentang Ahli Kitab, tetapi ia lebih mengfokuskan terhadap permasalahan perkahwinan⁶⁵ yang merupakan juzuk daripada konsep Ahli Kitab. Justeru itu, pengertian Ahli Kitab perlu diteliti daripada dalil-dalil lain yang menyentuh secara langsung tentang Ahli Kitab.

2. Pandangan ini juga didasarkan kepada firman Tuhan yang menyatakan bahawa setiap umat akan dihantar kepada mereka Nabi yang sudah pastinya mempunyai wahyu.⁶⁶

إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ بِالْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا^٤ وَإِنْ مِنْ أُمَّةٍ إِلَّا خَلَا فِيهَا نَذِيرٌ

Terjemahan: Sesungguhnya Kami mengutusmu Dengan (ugama) Yang benar, sebagai pembawa berita gembira (kepada orang-orang Yang beriman) dan pemberi amaran (kepada orang-orang Yang ingkar); dan tidak ada, sesuatu

⁶³ Orang yang ahli dalam ilmu fiqah. Lihat *Kamus Dewan*, ed. 4, 418.

⁶⁴ Masalah perkahwinan merupakan masalah yang perlu didalami kerana ia sebahagian daripada perkara yang diletakkan di bawah perkara *ihtiyaṭī*. Dalam isu ini, Ibn Rejab al-Ḥanbalī menyatakan “Apa yang pada asalnya adalah larangan seperti pernikahan dan daging binatang, maka tidak halal melainkan dengan yakin halalnya dengan akad dan penyembelihan.” Antara golongan yang mengharamkan perkahwinan dengan Ahli Kitab adalah Ibn ‘Umar r.a. dan Shāh Imāmiyyah. Lihat Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fatāwā Mu‘āṣarah* (Kuwait: Dār al-Qalam, 1996), 467.

⁶⁵ Maqasid syari’ah daripada perkahwinan Ahli Kitab bagi tujuan mendekatkan mereka kepada Islam. Lihat Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1997), 9:6653.

⁶⁶ Rashīd Riḍā memberikan alasan ketiadaan agama-agama ini dalam ayat al-Qur’an kerana orang Islam tidak mengenali mereka. Lihat Muhammad Azizan Sabjan, “Shahrastani on the People of the Book”, 70. Beliau menukulkan daripada Rashīd Riḍā.

umat pun melainkan telah ada dalam kalangannya dahulu seorang Rasul pemberi ingatan dan amaran.

Fāṭir 35:24

Penghujahan ayat ini dapat dibantah berasaskan beberapa pengamatan:

a. Walaupun semua umat mempunyai rasul, namun ayat ini tidak menyatakan mereka semua tergolong dalam golongan Ahli Kitab secara jelas dan *ṣarih*. Justeru itu, kedudukan ayat yang *mubham* ini perlu difahami berasaskan nas-nas⁶⁷ dan hujah-hujah yang lain yang menunjukkan Ahli Kitab mempunyai kriteria tertentu.

b. Walaupun semua umat diutus dengan nabi, namun terdapat kemungkinan bahawa agama-agama tertentu adalah merupakan agama ciptaan manusia yang tidak berasal daripada langit.⁶⁸

Oleh itu, bukan semua agama boleh dikategorikan sebagai Ahli Kitab. Justeru, agama selain Yahudi dan Kristian perlu diteliti secara satu persatu bagi menentukan keserasiannya dengan konsep Ahli Kitab dan nas-nas syarak.⁶⁹

Ahli Kitab Hakiki dan Agama Mirip Ahli Kitab

Agama Majusi⁷⁰ dan Sabi'ah⁷¹ telah dibicarakan oleh kedua-dua tokoh ini dengan pandangan yang berbeza. Perbincangan tentang golongan ini akan memberikan justifikasi yang kuat terhadap konsep Ahli Kitab yang perlu diperincikan kepada dua kumpulan

⁶⁷ Ayat al-Quran atau hadis yang dipakai sebagai pegangan dalam hukum syarak. Lihat *Kamus Dewan*, ed. 4, 1070.

⁶⁸ Para pengkaji agama telah membahagikan agama kepada dua sektor besar iaitu agama yang bersumberkan wahyu (*dīn samāwī*) dan agama yang dicipta manusia (*dīn waq'ī*). Malahan tidak semua Nabi didatangkan dengan kitab atau syariat tertentu. Sebahagian mereka hanya mengikut nabi terdahulu.

⁶⁹ Malahan jika diperhalusi dengan mendalam, kumpulan-kumpulan dalam Yahudi dan Kristian itu sendiri perlu diteliti satu persatu bagi memastikan mereka tidak lari daripada kerangka Ahli Kitab.

⁷⁰ Ibn Ḥazm memasukkan golongan ini di dalam kalangan Ahli Kitab berasaskan beberapa hujah. Lihat Ibn Ḥazm, *Al-Faṣl fī al-Mīlāl wa al-Ahwā' wa al-Niḥāl*, 138. Manakala al-Shahrastānī meletakkan mereka di dalam kalangan Mirip Ahli Kitab. Lihat Al-Shahrastani Muhammad bin 'Abd al-Karim, *Agama dan Ideologi*, 173.

⁷¹ Kedua-dua tokoh ini tidak meletakkan golongan ini sebagai Ahli Kitab tetapi menyatakan beberapa persamaan antara golongan ini dengan Ahli Kitab.

disebabkan kedudukannya yang tidak jelas. Golongan yang tidak memenuhi keseluruhan ciri Ahli Kitab perlu dikategorikan sebagai Mirip Ahli Kitab. Justeru itu, penulis bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan oleh al-Shahrastānī yang melakukan pengkategorian ini.

Penutup

Ibn Ḥazm dan al-Shahrastānī telah memberikan pengertian terhadap konsep Ahli Kitab berasaskan kepada dua faktor utama iaitu kewujudan kitab dan kepercayaan kepada konsep kenabian. Perbincangan tentang agama Yahudi dan Kristian sebagai dua golongan Ahli Kitab yang diterima secara konsensus memberikan pandangan yang lebih jelas terhadap konsep Ahli Kitab. Sehubungan dengan itu, dapat dirumuskan enam ciri penting yang perlu didalami dalam memahami konsep Ahli Kitab. Dua ciri utama adalah sebagaimana yang diterapkan dalam pengertian Ahli Kitab iaitu pegangan Ahli Kitab terhadap kitab suci dan penerimaan konsep kenabian. Selain daripada itu, empat ciri yang perlu diberikan penekanan adalah agama Ahli Kitab telah diselewengkan, ciri ideologi adalah asas konsep Ahli Kitab, Ahli Kitab tidak terhad kepada Yahudi dan Kristian serta pembahagian Ahli Kitab kepada Ahli Kitab Hakiki dan Mirip Ahli Kitab. Satu ciri yang seharusnya diberikan perhatian adalah sudut pelaksanaan syariat agama Ahli Kitab⁷² dalam isu perkahwinan⁷³ dan

⁷² Ibn Ḥazm dan al-Shahrastānī tidak memberikan penekanan terhadap aspek syariat dalam karya mereka *al-Faṣl* dan *al-Milal*.

⁷³ Ibn ‘Āshūr menyatakan dua prinsip daripada maqasid syari‘ah Islamiyyah dalam hukum-hakam nikah; pertama perbezaannya dengan bentuk-bentuk hubungan kelamin lelaki dan wanita yang lain dan kedua tidak mempunyai masa dan tempoh tertentu. Bagi prinsip pertama tiga perkara diberikan penekanan; perkahwinan diperakui oleh wali pihak perempuan, penyediaan mahar untuk pihak perempuan dan hebahan kepada khalayak ramai. Lihat Ibn ‘Āshūr, *Maqāsid al-Syari‘ah al-Islāmiyyah* (Amman: Dār al-Nafā‘is, 2001), 435-441. Maqasid syari‘ah daripada perkahwinan Ahli Kitab adalah bagi tujuan mendekatkan mereka kepada Islam. Lihat Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh*, 9: 6653. Tujuan pernikahan secara umum pula adalah bagi mewujudkan *sakinah* dalam kehidupan berkeluarga. Lihat *Tafsir al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Qur‘an* (Tangerang: Penerbit Lentera Hati, 2008), 3:31. Sehubungan dengan itu, para ulama meletakkan syarat yang ketat terhadap perkahwinan lelaki Islam dengan wanita Ahli Kitab. Lihat sebagai contoh syarat yang dikemukakan oleh al-Qaraḍāwī. Beliau menetapkan beberapa syarat bagi pernikahan dengan wanita Ahli Kitab iaitu

penyembelihan⁷⁴ yang seharusnya mempunyai persamaan asas dengan syariat Islam. Berasaskan kepada tujuh ciri yang disenaraikan diatas, konsep Ahli Kitab dapat difahami dengan tepat.

Bibliografi

Al-Qur'an al-Karim

Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qura'an*. Kuala Lumpur: Dār al-Fikr, 2001.

The Holy Bible, Versi The New English Bible. T.tp.: Oxford University Press.

The Holy Bible, Versi King James Version.

'Abd al-Salam, 'Abd al-Wahhab. *Tawrah al-Yahūd wa al-Imām Ibn Ḥazm al-Andalusī*. Damsyik: Dār al-Qalam, 2004.

'Abdul Ahad Dawud, Muhammad in World Scriptures: The Bible. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, 2006.

'Alī al-'Adawī, *Hāshiyah al-'Adawī*. T.tp., tp.:t.t..

Ahmad Shalaby, *Perbandingan Agama: Agama Yahudi*, terj. A. Wijaya. Jakarta: Bumi Aksara, 1990.

Al-Alūsī, Maḥmūd ibn 'Abd Allāh. *Rūḥ al-Ma'ānī*. T.tp.:t.p., t.t..

memastikan status Ahli Kitab, golongan wanita yang menjaga maruah diri, bukan golongan yang memerangi Islam dan tiada fitnah yang terjadi daripada perkahwinan. Lihat al-Qardawi, *Fatāwā Mu'āṣarah*, 468-471.

⁷⁴ Ibn Kathir menyatakan dua sebab mengapa dihalaikan sembelihan Ahli Kitab walau pun agama mereka telah terpesong, pertama kerana Ahli Kitab mengharamkan sembelihan yang diniatkan selain Allah dan kedua Ahli Kitab hanya menyebut nama Allah bagi sembelihan mereka. Lihat Ismā'īl ibn Umar ibn Kathir, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm* (Jizah: Maktabah al-Qurṭubah, 2000), 5:77. Selepas ini kitab ini dinyatakan sebagai *Tafsīr Ibn Kathir*. Sembelihan Ahli Kitab juga tertakluk kepada perkara-perkara lain bagi memastikan status halalannya. M. Quraish mengingatkan "...boleh jadi makanan yang mereka hidangkan telah bercampur dengan bahan-bahan haram misalnya minyak babi atau minuman keras dan boleh jadi juga kerana adanya bahan yang najis." Lihat M. Quraish Shihab, *Tafsīr al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Qur'an*, 3:29. Ibn Ḥazm meletakkan syarat keharusan memakan sembelihan Ahli Kitab iaitu mereka menyebut Nama Allah bagi sembelihan tersebut. Lihat Ibn Ḥazm, *Al-Muḥallā*, 6:143. Beliau turut mengharuskan sembelihan yang dilakukan dari belakang tengkuk. Lihat Ibn Ḥazm, *Al-Muḥallā*, 6:139. Al-Shahrastānī menyebutkan tentang al-'Ananiyyah yang menyembelih haiwan daripada belakang tengkuknya. Manakala Al-'Isawiyah pula tidak menghalalkan semua jenis sembelihan.

- Al-Andalusī, ‘Alī ibn Aḥmad in Sa‘īd bin Ḥazm. *Al-Faṣl fī al-Mīlal wa al-Ahwā’ wa al-Niḥal*, ed. Muḥammad Ibrāhīm. Beirut: Dār al-Jayl, 1996.
- Al-Andalusī, ‘Alī ibn Aḥmad in Sa‘īd bin Ḥazm. *Al-Muḥallā*. T.tp.:t.p., t.t..
- Al-Juwaynī, Diyā’ al-Dīn ‘Abd al-Malik ibn Yūsuf. *Al-Shāmil fī Usūl al-Dīn*. Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t..
- Al-Kāsānī, Abū Bakr ibn Mas‘ūd ibn Aḥmad. *Badā’i’ al-Ṣanā’i*. T.tp.: t.p., t.t..
- Al-Maydānī, ‘Abd al-Raḥman. *Ḍawābiḥ al-Ma’rifah*. Damsyik: Dār al-Qalam, 1998.
- Al-Nawāwī, Yaḥya bin Sharf. Rawḍah al-Ṭālibīn. T.tp.: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t..
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf. *Fatāwā Mu’āṣarah*. Kuwait: Dār al-Qalam, 1996.
- Al-Naysābūrī, Muḥammad ‘Abd Allāh al-Ḥākim. *Al-Mustadrak, Tafsīr Surah al-Mā’idah*, no. hadīth 3170.
- Al-Rāzī, Muḥammad Ibn ‘Umar Fakhr al-Dīn. *Al-Tafsīr al-Kabīr*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000.
- Al-Shahrastānī Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm. *Agama dan Ideologi*, terj. Muhammad Ramzi Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Al-Ṭabarī, Muḥammad ibn Jarīr ibn Yazīd. *Tafsīr al-Ṭabarī*. T.tp.:t.p., t.t..
- Al-Zuhaylī, Wahbah. *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Damsyik: Dār al-Fikr, 1997.
- Badran Abū al-‘Aynayn Badran. *Al-‘Alāqāt al-Ijtīmā’iyyah bayna al-Muslimīn wa Ghayr al-Muslimīn fī al-Sharī’ah al-Islāmiyyah wa al-Yahdiyyah wa al-Naṣraniyyah wa al-Qānūn*. Beirut: Dār al-Nahḍah, 1984.
- Coogan, Michael D. *The Old Testament: A Historical and Literary Introduction to the Hebrew Scriptures*. New York: Oxford University Press, 2006.
- Ibn al-‘Arabī, *Aḥkam al-Qur’ān*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1996.
- Ibn ‘Āshūr, Muḥammad al-Ṭāhir. *Maqāṣid al-Syarī’ah al-Islāmiyyah*. Amman: Dār al-Nafā’is, 2001.
- Ibn Kathir, Ismā’īl ibn ‘Umar. *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, (Jizah: Maktabah al-Qurtubah, 2000.

- Kamus Dewan*, ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- Khalīl al-Rahman, Raḥmah Allāh, *Izhār al-Haq: Adaq Dirāsah Naqdiyyah fī Ithbāt Wuqū‘ al-Tahrīf wa al-Nasakh fī al-Tawrāh wa al-Injīl*, ed. Muḥammad Aḥmad Mulkawī. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1994.
- Mālik ibn Anas ibn Mālik, *Al-Muwatṭā’*. T.tp.: t.p., t.t..
- Mawlana Muḥammad ‘Alī. *Islamologi*, terj. R. Kaelan. et al.. Jakarta: Darul Kutubil Islamiyyah, 2007.
- Mohd Fauzi bin Awang, *Ugama2 Dunia*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1971.
- Mohd Rosmizi Abdul Rahman, *4 Agama Monoteisme: Islam, Kristian, Yahudi, Zoroaster*. Bentong: PTS Publicatians & Distributions Sdn. Bhd., 2004.
- Muhammad Azizan Sabjan, “Shahrastani on the People of the Book”. Disertasi Sarjana, ISTAC, Universiti Islam Antarabangsa, 2000.
- Muḥammad bin Idris al-Shāfi‘ī, *Al-Umm*. Kaherah: Dār al-Ghad al-‘Arabī, 1990.
- Muhammad Galib. *Ahl al-Kitab: Makna dan Cakupannya*. Jakarta: Penerbit Paramadina, 1998.
- Muḥammad Rashīd Riḍā, *Tafsīr al-Qur’ān al-Hakīm*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999.
- Todd Klutz, Paul and the Development of Gentile Christianity dalam Philip F. Esler et al.. *The Early Christian World*. London: Routledge, 2000.
- Zaydān, ‘Abd al-Karīm. *Al-Wajīz fī Usūl al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risalah, 1997.